

**Ban Ki-Moon Sambut Baik Penubuhan Jawatankuasa Khas Parlimen Berhubung Pilihan Raya
Bernama
22 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) Ban Ki-Moon menyambut baik dan menyifatkan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya di negara ini sebagai suatu langkah bersejarah.

"Saya amat berharap proses pembaharuan proses pilihan raya ini akan membawa kepada terbentuknya satu sistem yang benar-benar telus dan berwibawa serta memuaskan hati seluruh rakyat Malaysia," katanya ketika menyampaikan ucapan khas di Institut Diplomasi dan Hal Ehwal Luar Negeri di sini Khamis.

Dalam ucapan bertajuk 'Malaysia dan Bangsa Bersatu Dalam Perubahan Dunia', beliau berkata PBB sentiasa bersedia membantu kerajaan dan rakyat Malaysia dalam usaha ini.

Ban, yang sedang melakukan lawatan rasmi dua hari ke Malaysia, juga menyambut baik pemansuhan Akta Keselamatan dalam Negeri 1960.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=654188>